

# Hukum hudud: Jaminan Mahathir kepada Kelantan

SUBANG 18 April -- Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini i & i i i & jaminan Kerajaan Pusat akan meminda perlembagaan secepat mungkin sebaik sahaja menerima permohonan daripada Pas untuk melaksanakan hukum hudud di Kelantan.

Bagaimanapun, katanya, Kerajaan Pusat tidak tahu sama ada terdapat sebarang sekatan dalam Perlembagaan Persekutuan terhadap hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan hukum tersebut.

"Jika ada kita akan hapuskan sekatan itu kerana tidak mahu dituduh menghalang Kerajaan Negeri Kelantan menjalankan hukum Islam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyambut keberangkatan pulang Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dan Permaisuri Agong Tuanku Bainun dari lawatan ke

Australia. Lapangan Terbang Antarabangsa Subang petang ini.

Ditanya mengenai kemungkinan pelaksanaan hukum hudud di seluruh negara, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat tidak bercadang berbuat demikian.

"Bukan kerana dengan melaksanakan hukum hudud sahaja kita boleh menjadi Islam, kita tengok banyak negara Islam tidak melaksanakan hukum hudud tetapi tidak bermakna mereka tidak Islam.

"Mereka ikut siasah dan keadaan, oleh itu kita pun ikut keadaan," tegasnya.

Mengulas cadangan DAP untuk mencabar Kerajaan Negeri Kelantan di mahkamah jika ia melaksanakan hukum hudud, Dr. Mahathir berkata, itu masalah DAP.

Dr. Mahathir mengingatkan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang supaya jangan cuba mele-

paskan dii dengan melibatkan MCA dan Gerakan dalam soal ini.

"Kenapa baru sekarang hendak bekejasama dengan kedua-dua parti tersebut, sedangkan sebelum ini tidak mahu berbuat demikian," tambahnya.

Beliau menambah, DAP sememangnya menyokong Pas dan ini temyata dalam pilihan raya umum yang lalu di mana DAP telah meminta kaum Cina menyokong Pas di Kota Bharu.

"Atas sebab itulah kita kalah sedangkan dalam pilihan raya sebelumnya kita letak calon MCA di kawasan berkenaan, kita selalu menang," ujanya.

Sehubungan itu, tambah beliau, apa yang akan dilakukan oleh Pas selepas ini adalah atas sokongan DAP juga.

Ditanya mengenai tindakan MTUC menafikan laporan akhbar bahawa mereka yang mengadu kepada Pertubuhan Buruh

Antarabangsa (ILO) mendakwa kerajaan Malaysia mencabul Konvensyen ILO mengenai hak asasi berpersatuan, Dr. Mahathir berkata:

"MTUC terlibat, presidennya, Zainal Rampak sendiri mengaku dalam suratkhbar mereka telah membuat aduan, macam mana pula dia kata tidak terlibat, kalau tidak ada aduan macam mana ILO tahu."

Serentak itu, Perdana Menteri berkata, MTUC sebenarnya yang menganiaya golongan pekerja dan bukannya kerajaan kerana Zainal berkata, kalau Malaysia tersingkir dari ILO padah akan diterima oleh pekerja.

"Ini bermakna, Zainal dan MTUC bekerja supaya pekerja rugi sedangkan kerajaan bekerja untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan serta menaikkan gaji para pekerja," jelasnya.